# LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK

**Liberty General Insurance Berhad**
197801007153 (44191-P)

Tarikh: 12/2025

## Pelanggan Yang Dihormati

Lampiran Pemberitahuan Produk ini disediakan untuk memberikan maklumat-maklumat penting mengenai insurans kemalangan diri anda.

Pelanggan lain telah membaca Lampiran Pemberitahuan Produk ini dan mendapati ia bermanfaat; **anda juga patut membacanya**.

## 1 Apakah Travel Star?

Travel Star memberikan pampasan bagi kecemasan berkaitan perlancongan, daripada perlindungan kemalangan diri kepada pemindahan perubatan kecemasan dan penghantaran pulang.

## 2 Ketahui Perlindungan Anda

**Sebagai ilustrasi, dengan pembayaran *RM234.00* setahun (termasuk duti setem)**, anda akan menerima **perlindungan** berikut:
Anggaran premium: Tempoh Perlindungan Tahunan, Individu, kawasan Asia, berumur 30 tahun

Polisi ini **melindungi:**

| No. | Faedah-Faedah | Jumlah Diinsuranskan (RM) | | |
|---|---|---|---|---|
| | | Individu | Keluarga | Ekses |
| 1 | Kematian akibat Kemalangan | 250,000 | 250,000 (setiap dewasa) 25,000 (setiap anak) | Tiada |
| | Hilang Upaya Kekal | 250,000 | 250,000 (setiap dewasa) 75,000 (setiap anak) | Tiada |
| 2 | Luar Negara, Perbelanjaan Perubatan Lain-Lain | 300,000 | 30,000 (setiap dewasa); 3,000 (setiap anak) | Tiada |
| 3 | Rawatan Susulan | 30,000 | 30,000 (setiap dewasa); 3,000 (setiap anak) | Tiada |
| 4 | Kos Pengebumian dan Pembakaran Mayat | 10,000 | 10,000 | Tiada |
| 5 | Manfaat Penginapan Hospital (Dewasa – RM250 setiap hari, Anak – RM125 setiap hari) | 5,000 | 5,000 (setiap dewasa); 2,500 (setiap anak) | Tiada |
| 6 | Pampasan Penjagaan | 5,000 | 5,000 | 50 |
| 7 | Penjagaan Kanak-Kanak | - | 5,000 | 50 |
| 8 | Hilang Bagasi Peribadi dan Barang-Barang Peribadi | 4,000 | 8,000 | 50 |
| 9 | Hilang Wang Peribadi | 800 | 1,200 | Tiada |
| 10 | Hilang Dokumen Perjalanan | 5,000 | 10,000 | 50 |
| 11 | Pembatalan Perjalanan | 15,000 | 15,000 | 50 |
| 12 | Pemendekan Perjalanan | 15,000 | 15,000 | 50 |
| 13 | Kegagalan Menyambung Penerbangan Perjalanan | 300 | 600 | Tiada |
| 14 | Kelewatan Perjalanan | 2,000 | 4,000 | Tiada |
| 15 | Kenderaan Perjalanan Terlebih Tempah | 250 | 500 | Tiada |
| 16 | Kelewatan Bagasi | 600 | 1,000 | Tiada |
| 17 | Perlindungan Kos Melancong | 7,500 | 15,000 | Tiada |
| 18 | Liabiliti Peribadi | 1,000,000 | 1,000,000 | Tiada |
| 19 | Perbelanjaan Guaman | 50,000 | 50,000 | Tiada |
| 20 | Pemindaan Perubatan Kecemasan dan Penghantaran Pulang | 300,000 | 300,000 | Tiada |
| 21 | Perkhidmatan Rujukan Perjalanan Kecemasan 24-Jam | Berkenaan | Berkenaan | Tiada |

**Nota:** *Senarai ini adalah **tidak menyeluruh.*** Anda harus merujuk kepada polisi untuk butiran penuh tentang perkara yang dilindungi dan perkara yang tidak dilindungi.

| Tempoh Perlindungan | **Premium (RM)** *(sebelum cukai perkhidmatan dan duti setem)* | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | Kawasan 1 | | Kawasan 2 | | Kawasan 3 | |
| | Individu | Keluarga | Individu | Keluarga | Individu | Keluarga |
| 1 – 5 hari | 32 | 72 | 42 | 100 | 52 | 130 |
| 6 – 10 hari | 46 | 110 | 60 | 140 | 80 | 195 |
| 11 – 18 hari | 62 | 150 | 95 | 235 | 120 | 300 |
| 19 – 31 hari | 72 | 200 | 130 | 300 | 170 | 420 |
| Setiap minggu tambahan | 20 | 50 | 35 | 85 | 45 | 110 |
| Tahunan | 224 | 460 | 336 | 545 | 364 | 610 |

Liberty General Insurance Berhad ialah ahli PIDM. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had-had perlindungan. Sila rujuk kepada Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Liberty General Insurance Berhad adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

**Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan dengan perlindungan insurans anda, anda boleh:**

Hubungi kami di
1 300 88 8990

Layari kami di
www.libertyinsurance.com.my

Emel kami di
customer@libertyinsurance.com.my

Imbas Kod QR
di atas

| Definisi Kawasan |
|---|
| Kawasan 1 – Asia termasuk Brunei, Kemboja, China, Hong Kong, India, Indonesia, Japan, Korea, Laos, Maldives, Nepal, Pakistan, Filipina, Singapura, Sri Lanka, Taiwan, Thailand dan Vietnam.<br><br>Kawasan 2 – Seluruh dunia, termasuk Asia tetapi tidak termasuk Amerika Syarikat dan Kanada.<br><br>Kawasan 3 – Seluruh dunia, termasuk Asia, Amerika Syarikat dan Kanada.<br><br>Negara yang dikecualikan : sebarang sekatan, larangan atau sekatan di bawah resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Kesatuan Eropah, United Kingdom, Amerika Syarikat atau Malaysia. |

| Polisi ini **tidak melindungi**: |
|---|
| • Risiko peperangan<br>• Bunuh diri dan hilang akal<br>• Kecederaan yang disengajakan<br>• AIDS atau sebarang penyakit berkaitan atau menjalani ujian darah berkaitan HIV/AIDS<br>• Pembunuhan akibat daripada rasa marah atau serangan<br>• Aktiviti sukan yang berbahaya |
| ***Nota**: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian bagi polisi ini.* |

## 3 Ketahui Kewajipan Anda

| **Untuk Travel Star ini, anda perlu membayar premium berikut:** | |
|---|---|
| Perlindungan Standard | *RM224.00 (setiap tahun)* |
| (+) Perlindungan Tambahan | *Tidak berkenaan* |
| **Premium Kasar** | ***RM224.00*** |
| **Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:** | |
| (+) 8% Cukai Perkhidmatan | *Tidak berkenaan* |
| (+) Duti Setem | *RM10.00* |
| **Jumlah Premium Yang Perlu Dibayar** | ***RM234.00*** |
| **Di mana ia adalah termasuk:** | |
| Komisen | ***25%** Premium Kasar atau **RM56.00*** |

Sila ambil perhatian bahawa:

- Kadar Cukai Perkhidmatan adalah tertakluk kepada kadar semasa yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia.
- Tiada cukai perkhidmatan dikenakan untuk polisi perjalanan ke luar negara
- Duti setem bagi premium tidak melebihi RM150 dikecualikan sehingga 31/12/2028. Duti setem sebanyak RM10 akan dikenakan mulai 1/1/2029 dan seterusnya.

## 4 Maklumat Penting Lain

- Anda mesti memberikan maklumat lengkap dan tepat di dalam borang permohonan.
- Anda mesti mendedahkan semua fakta material seperti pekerjaan dan kegiatan peribadi anda.
- Kegagalan untuk mematuhi mana-mana syarat polisi akan membatalkan semua tuntutan.
- Kami berhak untuk memeriksa orang yang diinsuranskan semasa tuntutan dan sekiranya berlaku kematian, untuk melakukan bedah siasat di mana tidak dilarang di sisi undang-undang.
- Sekiranya berlaku kemalangan, anda mesti memaklumkan kami dengan butir-butir penuh kemalangan / kecederaan dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas kemalangan tersebut berlaku.
- Tunai Sebelum Perlindungan – Premium yang kena bayar mestilah dibayar dan diterima oleh Liberty sebelum perlindungan bermula. Insurans ini secara automatik terbatal dan tidak sah jika syarat ini tidak dipatuhi.
- Kelayakan –
  (a) Pelan individu – Umur 19 tahun, dan sehingga 80 tahun.
  (b) Pelan keluarga – Dewasa berumur 19 tahun dan sehingga 80 tahun, kanak-kanak berumur 18 dan ke bawah.
- Tempoh perlindungan untuk perjalanan satu hala ialah 90 hari, untuk perjalanan dua-hala ialah selama 185 hari dan untuk perlindungan tahunan ialah selama 1 tahun.
- Tiada cukai kerajaan akan dikenakan untuk Polisi Perjalanan Luar Negara. Walau bagaimanapun, cukai kerajaan hendaklah terpakai untuk Polisi Perjalanan Domestik dan Polisi Tahunan.

**Nota:** Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

## ? Bolehkah saya batalkan polisi saya?

- Ya. Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami.
- Setelah pembatalan, tiada bayaran balik premium.
- Untuk butiran penuh bayaran balik pembatalan, sila rujuk kepada kontrak polisi.